

22/10/2003

Jangan jadi alat kayakan Barat, AS

BAGI negara maju demokrasi bukan saja merangkumi corak pemerintahan dibentuk berdasarkan kebebasan rakyat membuat pilihan malah membabitkan cara perdagangan dijalankan. Jika dapat negara maju mahu seboleh-bolehnya perdagangan juga bebas daripada sebarang halangan dan amalan disifatkan berat sebelah. Namun dalam mendukung gagasan itu, negara maju khususnya Eropah dan Amerika Syarikat (AS) sendiri mengenakan pelbagai syarat dan sekatan terhadap negara membangun dan dunia ketiga. Akibatnya negara maju mengaut keuntungan sedang negara yang giat membina ekonominya dan negara miskin akhirnya menjadi mangsa keadaan tidak adil yang menyebelahi Barat dan AS.

Lebih tepat lagi sebagaimana kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perdagangan bebas akhirnya menjadi perdagangan tidak adil. Sedar akan bahaya inilah menyebabkan negara membangun dan dunia ketiga bersatu hati menolak langsung peraturan perdagangan pelbagai hala dicadangkan pada rundingan pusingan Doha, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan di Cancun. Kebuntuan wujud memandangkan negara maju tidak memberi peluang kepada negara membangun mengemukakan agenda yang adil dan saksama kepada negara kaya dan miskin. Barat dan AS juga enggan bertolak ansur mengenai isu subsidi diberikan kepada petani mereka dan mendesak isu baru dibincangkan. Apa dimahukan oleh negara membangun adalah perdagangan adil yang mengambil kira kelemahan mereka dalam merangka peraturan perdagangan pelbagai hala yang baru.

Sebenarnya tanpa jaminan itu, kita tidak akan dapat bersaing dengan jayanya melainkan diberi kelebihan. Jika dibiarkan maka akan hapuslah sektor industri negara membangun dibaham kerakusan pengusaha gergasi dari Barat dan AS. Jelas bahawa sikap dunia maju yang mahu menggunakan paksaan agar agenda mereka merumuskan peraturan perdagangan bebas yang baru diterima pakai oleh semua, tidak disenangi negara dunia ketiga. Penjajahan ekonomi dalam bentuk baru akan wujud dan jika dibiarkan sekali lagi membuat kita menjadi mangsa dan alat mengkayakan Barat dan AS saja.

Tidak syak lagi satu cara mengatasi kebuntuan dalam rundingan WTO itu adalah merangka agenda baru dipersetujui semua pihak. Seperti kata Dr Mahathir agenda baru itu perlu mengambil kira kepentingan negara maju dan membangun serta berusaha mencapai bukan saja perdagangan bebas, tetapi juga perdagangan adil. Agenda berkenaan perlu menimbang sama kekuatan dan perbezaan pencapaian ekonomi setiap negara anggota WTO. Barat dan AS harus menerima hakikat ini kerana kita tidak mahu mengulangi kesilapan sesuatu penyelesaian dilaksanakan akhirnya merugikan dunia ketiga.